

09/12/2003

IFSB perkenal piawaian berhemat

LEMBAGA Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) yang berpangkalan di Kuala Lumpur sudah meluluskan cadangan untuk memperkenalkan piawaian berhemat tadbir urus korporat baru bagi industri kewangan Islam global.

Kelulusan itu dibuat selepas mesyuarat majlis IFSB yang dihadiri 12 gabenor bank pusat dan agensi kewangan serta presiden Bank Pembangunan Islam (IDB), di Manama, Bahrain.

Pada mesyuarat itu Malaysia diwakili Gabenor Bank Negara (BNM) Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

IFSB adalah persatuan bank-bank pusat, agensi kewangan dan pertubuhan antarabangsa antara kerajaan yang mempunyai mandat utama untuk memperkenalkan kewangan Islam.

Akhbar The Gulf Daily News melaporkan, majlis itu juga meluluskan permohonan Bank for International Settlements untuk menyertai sebagai anggota persatuan manakala Singapore Monetary Authority, Noriba Bank Gulf Investment House, Al Baraka Banking Group dan National Commercial Bank diterima sebagai anggota pemerhati.

Mesyuarat itu dipengerusikan Gabenor Bahrain Monetary Agency (BMA) Sheikh Ahmed Mohammed Al Khalifa, pengerusi Majlis IFSB ketika ini.

Majlis itu dianggotai presiden Bank Pembangunan Islam (IDB) dan gabenor daripada 12 bank pusat dan agensi kewangan dari Bahrain, Brunei, Mesir, Iran, Indonesia, Qatar, Jordan, Kuwait, Pakistan, Malaysia, Arab Saudi dan Sudan.

Akhbar Bahrain itu memetik Setiausaha Agung IFSB, Dr Rifa'at Ahmed Abdel Karim sebagai berkata, keanggotaan IFSB sudah meningkat kepada 36, daripada sembilan sebelum ini dengan beberapa permohonan masih lagi sedang menunggu keputusan.

Rifa'at berkata, IFSB masih dalam proses menyelaraskan baki prasarannya dengan prinsip syariah dan perundangan lain.

Lembaga itu menetapkan piawaian yang berhemat dan dikawal selia serta prinsip teras yang mematuhi syariah bagi penyeliaan dan pengawasan industri perkhidmatan kewangan Islam.

IFSB dirasmikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamed pada November 2002, dengan Dr Zeti sebagai pengerusi jawatankuasa pemandunya.